



Kemahiran Berfikir
ARAS TINGGI
Aplikasi Di Sekolah

2014



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI APLIKASI DI SEKOLAH

Terbitan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2014



Cetakan 2014

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, Malaysia.

ISBN 978-967-420-076-3



Dicetak oleh:
Cepat Cetak Sdn. Bhd.
8, Jalan Sri Kenari 9,
Taman Sri Kenari,
43000 Kajang, Selangor.

Telefon: 03 87336216
Faksimili: 03 8740 3127

AKRONIM

Akronim terbentuk oleh gabungan suku kata daripada gabungan huruf pertama atau lebih.

APEC	Asia-Pacific Economic Caucus
KB	Kemahiran Berfikir
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PISA	Programme for International Student Assessment
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah

KANDUNGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia

PERKARA

AKRONIM

RUKUN NEGARA

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

KATA ALU-ALUAN

PENGENALAN

KEMAHIRAN ABAD KE-21

KEMAHIRAN BERFIKIR

- Definisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
- Peningkatan Keupayaan Murid Melalui Pelaksanaan KBAT

MATRIKS KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KURIKULUM

- Jadual 2: Matriks Kemahiran Berfikir
- Contoh Penulisan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum
- Contoh Bagaimana Menterjemahkan KBAT daripada Dokumen Standard Kurikulum dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Dunia Sains dan Teknologi Tahun 2
- Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Matematik Tahun 4
- Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Sains Tingkatan 1
- Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Sejarah Peradaban Dunia Tingkatan 4

MUKA SURAT

iii

vi

vii

viii

ix

1

3

5

7

8

11

12

16

17

18

19

20

21

PERKARA

PERSEKITARAN PEMBELAJARAN YANG MENYOKONG KBAT

- Ciri-ciri Murid KBAT
- Ciri-ciri Guru Yang Menggalakkan KBAT
- Bilik Darjah KBAT

TEKNIK PENYOALAN

- Jadual 4: Contoh Soalan Berdasarkan Tahap Pemikiran
- Jadual 5: Contoh Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah (DSKP) Tahun 4

RUJUKAN

Lampiran A

- Cadangan aktiviti KBAT dalam mata pelajaran (Rancangan Mengajar)
 - a. Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Tahun 4

Lampiran B

- b. Mata Pelajaran Sejarah Tahun 4

MUKA SURAT

23

24

24

25

27

31

32

44

48

55



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara Kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih sehingga 5 Januari 2013 (ms12)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih sehingga 5 Januari 2013 (ms 132)

Selayang Pandang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya memanjat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi Di Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat diterbitkan.

Buku ini boleh dijadikan rujukan kepada pendidik serta pihak yang berkepentingan untuk memupuk dan seterusnya membudayakan KBAT dalam kalangan murid di setiap peringkat persekolahan. Sekaligus menjadi landasan kepada pendidik dan pihak berkepentingan untuk membangunkan bahan sokongan kurikulum secara terancang dan berkesan. Usaha ini selari dengan pelaksanaan inisiatif KBAT seperti yang terkandung dalam Anjakan ke-4 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi dan berdaya saing di peringkat global.

Secara keseluruhannya, buku ini menjelaskan keperluan menyediakan tenaga mahir yang kreatif dan inovatif agar dapat bersaing di peringkat global melalui pemupukan dan pembudayaan KBAT di sekolah. Para pendidik dapat melihat bagaimana tahap pemikiran murid dipetakan berdasarkan tahap operasi kognitif mereka. Perkembangan minda murid dibantu oleh aktiviti yang terancang seperti penerokaan, penyelidikan serta aktiviti berasaskan projek. Pengalaman ini akan memberi peluang kepada murid untuk mempamerkan potensi dan apresiasi diri.

Akhir kata, kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan idea dalam penyediaan buku ini.



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pegawai
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2014

1

PENGENALAN

Asas kepada kejayaan sistem pendidikan terletak pada kualiti Kurikulum Kebangsaan, sekali gus menentukan kualiti modal insan yang dihasratkan. Justeru, keutamaan KPM adalah membina satu kurikulum yang memenuhi piawai antarabangsa dengan menekankan aspek kemahiran kreatif, penyelesaian masalah dan inovasi.

Kurikulum Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan generasi masa depan Malaysia yang seimbang serta menguasai kemahiran abad ke-21. Murid yang menguasai kemahiran abad ke-21 dengan kebolehan dan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif mampu untuk bersaing di peringkat global. Kemahiran ini selari dengan enam aspirasi murid seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu setiap murid akan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.


Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) telah diperkenalkan dalam Kurikulum Kebangsaan pada tahun 1994 melalui KBSR dan KBSM. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pula telah diperkenalkan mulai 2011 sebagai satu usaha untuk memperkukuh dan memperkasakan kemahiran berfikir dengan memberi penekanan kepada kemahiran menaakul. Pelbagai kemahiran berfikir telah digabungkan bagi tujuan membuat pertimbangan dan penilaian dalam menyelesaikan masalah.

Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaran ekonomi yang dipacu oleh inovasi, KPM telah memberi penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem persekolahan. Pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistemik yang merangkumi tujuh elemen yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran serta empat elemen sokongan iaitu kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Semua elemen ini menyokong antara satu sama lain seperti Rajah 1.

KBAT diterapkan dalam sistem persekolahan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi juga faham dan tahu apa yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap yang tinggi dengan menguasai kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta.

KBAT di bilik darjah telah diperkukuh melalui pelbagai inisiatif seperti program i-THINK, pendekatan *Middle Years Programme International Baccalaureate*, Sekolah Amanah dan Sekolah Angkat yang dapat membantu pihak sekolah memupuk kemahiran berfikir, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat, mahir dalam menyelesaikan masalah dan berupaya menghasilkan jalan penyelesaian secara kreatif dalam kalangan murid.

Rajah 1: Tujuh Elemen Utama Membudayakan KBAT di Sekolah



2

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Pelbagai penjelasan mengenai kemahiran abad ke-21 telah diterbitkan. Sebagai contoh *APEC Members Economy (2008)* mengenal pasti empat kebolehan dalam abad ke-21 iaitu pembelajaran sepanjang hayat, penyelesaian masalah, pengurusan diri dan kerja sepasukan. Manakala *Partnership for 21st Century Skills* menyatakan hasil murid dan sistem sokongan merangkumi kemahiran hidup dan kerjaya, kemahiran belajar dan inovasi (pemikiran kritis, komunikasi, kolaborasi dan kreativiti) serta kemahiran informasi, media dan teknologi.

Rumusan daripada pelbagai penjelasan ini, kemahiran abad ke-21 boleh dibahagikan kepada dua aspek:

1. Kemahiran Berfikir

Setiap murid perlu menguasai kemahiran berfikir dalam usaha melahirkan generasi yang mampu mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi yang baharu. Pendedahan kepada pembelajaran berasaskan projek yang melibatkan situasi sebenar memberi peluang kepada murid untuk membuat keputusan yang bijak dan melihat perkaitan ilmu yang dipelajari merentas kurikulum. Kemahiran ini antaranya ialah:

- Kreatif
- Menaakul
- Menyelesai Masalah
- Kritis
- Berinovasi
- Membuat Keputusan

2. Kemahiran Hidup dan Kerjaya

Murid menguasai kemahiran hidup dan kerjaya bagi menghadapi kehidupan yang kompleks dan persekitaran kerjaya dalam dunia yang semakin mencabar. Antara kemahiran tersebut ialah:

- Komunikasi
- Kerja sepasukan
- Kepimpinan
- Fleksibel
- Berinisiatif dan terarah sendiri
- Teknologi maklumat dan komunikasi
- Keusahawanan
- Belajar sepanjang hayat
- Kebolehan menyesuaikan diri

Nilai

Kemahiran berfikir perlu didasarkan kepada nilai yang ada pada murid itu sendiri bagi menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang sewajarnya. Murid yang mengamalkan nilai secara mampan mampu mempamerkan perwatakan yang mulia, berkeperibadian yang tinggi dan melaksanakan tanggungjawab serta memberi sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara. Nilai tersebut merangkumi kerohanian, berperikemanusiaan, bersemangat patriotik, berintegriti, bertanggungjawab dan bersatu padu.

3

KEMAHIRAN BERFIKIR

Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran berfikir yang menjadi fokus utama dalam kemahiran abad ke-21. Seiring dengan keperluan kompetensi global, setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran berfikir termasuk penyelesaian masalah, penaaakuan dan pemikiran kreatif dan inovatif. Pelaksanaan PdP yang kurang memberikan penekanan kepada kemahiran tersebut menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kreatif dalam kehidupan seharian. Kemahiran berfikir yang ditekankan adalah berdasarkan semakan Hierarki Taksonomi Bloom oleh Lori Anderson (1900) iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti dalam Rajah 2.

Rajah 2: Hierarki Aras Berfikir



Kemahiran Berfikir adalah keupayaan menggunakan minda bagi menghadapi sesuatu situasi dan membuat keputusan melalui penaaakuan. Kemahiran berfikir dibahagikan kepada kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif pula adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul membolehkan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus dengan menggunakan alat berfikir dan teknik penyoyaln yang berkesan (BPK, 2014).

Dengan merujuk kepada Rajah 3, Model Kemahiran Berfikir merupakan pemikiran kritis dan kreatif yang melibatkan proses menaakul menggunakan strategi berfikir bagi membolehkan individu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Rajah 3: Model Kemahiran Berfikir © BPK



Definisi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Tahap pemikiran yang digambarkan dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson seperti dalam Jadual 1 menunjukkan tahap pemikiran meningkat dari aras mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai hingga mencipta.

Jadual 1: Tahap Pemikiran ©BPK

Tahap Pemikiran	Penerangan
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Memahami	<ul style="list-style-type: none"> Mengingat semula maklumat dan boleh menjelaskan idea dan konsep
Mengingat	<ul style="list-style-type: none"> Mengingat semula maklumat, fakta atau konsep

KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk penaakulan, penyelesaian masalah, pembelajaran inkuiri dan projek serta lain-lain. Melalui perancangan aktiviti sebegini, bimbingan daripada guru mampu menggalakkan murid meningkatkan amalan berfikir menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah. Murid akan lebih bertanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri.

Peningkatan Keupayaan Murid Melalui Pelaksanaan KBAT

Inisiatif KBAT adalah satu usaha berterusan KPM untuk melahirkan insan yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara. Pemupukan dan pembudayaan KBAT dapat membantu murid melakukan operasi pemikiran seperti membuat analisis dan inferensi yang seterusnya dapat meningkatkan kefahaman serta meningkatkan prestasi pencapaian mereka. Selaras dengan itu, setiap murid yang dihasilkan diharapkan memperbaiki kelemahan diri serta mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara terus dalam kehidupan.

Murid yang menguasai KBAT juga mampu menghadapi cabaran dan berani mengambil risiko untuk mencuba penyelesaian yang baharu. Pemupukan KBAT mendorong murid untuk membuat kesimpulan berdasarkan logik, mempunyai bukti berasaskan bacaan dan penyelidikan yang dibuat. Murid juga dapat membuat ramalan berdasarkan sebab dan akibat serta memberikan cadangan penyelesaian dengan ciptaan idea yang rasional.

Selaras dengan itu, KPM telah menggariskan Profil Murid yang perlu ada untuk murid berupaya bersaing pada peringkat global seperti berikut:

1. Berdaya tahan
2. Pemikir
3. Mahir berkomunikasi
4. Kerja sepasukan
5. Bersifat ingin tahu
6. Berprinsip
7. Bermaklumat
8. Prihatin
9. Patriotik

KPM berhasrat memastikan setiap murid mencapai potensi diri sepenuhnya seperti yang telah diterjemahkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penerapan KBAT di sekolah diharapkan dapat melahirkan generasi yang pantas menerima perubahan, mampu berkomunikasi serta bekerja secara sepasukan serta dapat membuat refleksi berdasarkan penaaakuan sekali gus berupaya untuk berinovasi serta mencipta sesuatu yang baharu. Unsur murni dan kecekapan yang dijelaskan melalui sembilan profil murid diterangkan secara terperinci di bawah untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar.

Profil Murid

Penerangan

1. Berdaya tahan

Murid mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.

2. Pemikir

Murid berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Murid berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Murid menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Murid berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.

3. Mahir berkomunikasi

Murid menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

4. Kerja sepasukan

Murid boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Murid menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Murid memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif. Ini menjadikan murid sebagai pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

Profil Murid**Penerangan****5. Bersifat ingin tahu**

Murid membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Murid mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Murid menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

6. Berprinsip

Murid berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Murid bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan murid.

7. Bermaklumat

Murid mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Murid meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Murid memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.

8. Prihatin

Murid menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Murid komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.

9. Patriotik

Murid mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

4

MATRIKS KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KURIKULUM

Perancangan penggubalan kurikulum mengambil kira tahap operasi kognitif dan tahap pemikiran untuk memastikan aspirasi murid dalam kemahiran berfikir tercapai. Penggubalan kurikulum ditulis berdasarkan Matriks Kemahiran Berfikir seperti Jadual 2. Matriks Kemahiran Berfikir terdiri daripada baris Tahap Pemikiran dan lajur Tahap Operasi Kognitif. Tahap pemikiran merujuk kepada enam tahap pemikiran yang perlu dikuasai oleh murid iaitu kemahiran mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Taksonomi Bloom Semakan Anderson). Tahap operasi kognitif disusun mengikut aras mudah sehingga aras yang lebih kompleks. Matriks Kemahiran Berfikir dapat menunjukkan taburan kemahiran berfikir dalam kurikulum.



JADUAL 2: MATRIKS KEMAHIRAN BERFIKIR

Bil.	A	B	C	D	E	F	G
	Tahap Pemikiran	TAHAP PEMIKIRAN					
		Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Tahap Operasi Kognitif	Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik.	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend.	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.	
1	Tahap I	Menyatakan semula pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menceritakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menggunakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Membanding beza sesuatu perkara dan membuat hubung kait tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara bagi membuat keputusan dengan memberi sebab.	Menghasilkan produk dengan bimbingan.
2	Tahap II	Menyatakan definisi, pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menerangkan atau memerihal sesuatu perkara yang berkaitan dengan memberi contoh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menunjuk cara sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan sesuatu perkara yang asas dan membuat hubung kait untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam satu situasi.	Menambah baik produk yang sedia ada dengan bimbingan.

Bil.	A	B	C	D	E	F	G
	Tahap Pemikiran	TAHAP PEMIKIRAN					
		Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
	Tahap Operasi Kognitif	Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik.	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend.	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.	Membuat perimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.
3	Tahap III	Menyatakan definisi, pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas.	Menjelaskan atau memerihal sesuatu perkara dengan sedikit penerangan atau contoh berkaitan dengan definisi, pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep dan prinsip yang asas.	Menunjuk cara sesuatu perkara dengan sedikit penerangan atau contoh berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan dengan mendalam sesuatu perkara dan membuat hubung kait untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam pelbagai situasi.	Menambah baik produk yang sedia ada tanpa bimbingan.
4	Tahap IV	Menyatakan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas.	Menjelaskan sesuatu perkara dengan memberi contoh yang berkaitan dengan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas.	Menunjuk cara sesuatu perkara dengan penerangan atau contoh yang berkaitan dengan pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan dengan mendalam sesuatu perkara dalam situasi yang kompleks untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam situasi bukan rutin.	Mengubah suai produk sedia ada.

Bil.	A	B	C	D	E	F	G
	Tahap Pemikiran	TAHAP PEMIKIRAN					
		Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
	Tahap Operasi Kognitif	Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik.	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend.	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.	Membuat perimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.
5	Tahap V	Menyatakan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang kompleks.	Menjelaskan atau memerihal sesuatu perkara dengan memberi contoh yang berkaitan dengan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang kompleks.	Menunjuk cara sesuatu perkara dengan penerangan atau contoh yang berkaitan dengan pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang kompleks dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan dengan mendalam sesuatu perkara dalam situasi yang kompleks dan mendalam serta membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam situasi yang kompleks.	Menghasilkan produk yang baharu dan asli.

Senarai Kata Kerja bagi melaksanakan KBAT dalam Bilik Darjah

Tahap pemikiran diterjemahkan melalui kata kerja yang sesuai seperti dalam Jadual 3. Senarai kata kerja ini dikategorikan mengikut tahap pemikiran yang berbeza. Walau bagaimanapun, satu kata kerja yang sama boleh dikategorikan pada tahap pemikiran yang berbeza berdasarkan konteks penentuan objektif pembelajaran.

Jadual 3: Senarai Kata Kerja

Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif
Mengecam Mengulang Menyenaraikan Menenal pasti Menamakan Menyatakan Memberitahu dan lain-lain	Menjelaskan Memberi contoh Meringkaskan Menterjemah Memilih Menerangkan dan lain-lain	Menunjukkan Menyesuaikan Menggunakan Menggambarkan Membina Melengkapkan Memeriksa Mengelaskan Menunjuk cara Melukis Melakar Meramal Menyediakan Menghasilkan Mengguna pakai Melaksana Melakonan dan lain-lain	Mencerakin Membezakan Memeriksa Membanding Mengesas Menyiasat Mengkategorikan Memaparkan Menilai Menguji Meramal Membuat inferens Mentafsir dan lain-lain	Mempertimbangkan Memilih Membuat keputusan Memberi alasan Membahas Mengesahkan Mencadangkan Mentaksir Membuat kesimpulan Mempertahankan Menyokong Menentukan keutamaan Meramal Membuat justifikasi dan lain-lain	Menaik taraf Menggubah Merancang Membina Mencadangkan Menjana Membangun Menyediakan Menyusun semula Menggabungkan Memasang Merumuskan Menghasilkan Mereka bentuk Melakar dan lain-lain

Contoh Penulisan KBAT dalam Dokumen Standard Kurikulum

Contoh penulisan tahap pemikiran boleh dilihat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sekolah Rendah Tahun 4 mata pelajaran Pendidikan Kesihatan bagi Modul 2: Kesihatan Mental, Emosi dan Sihat dan Topik: Pengurusan Mental dan Emosi.

Kata kerja yang digunakan adalah mengenal pasti dan menyatakan punca (Rajah 4). Di sini murid perlu mencerakinkan sesuatu perkara dan membuat hubungan kait dengan sedikit penerangan atau contoh berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas serta membuat kesimpulan.

Standard Kandungan: Mengetahui pelbagai jenis emosi, kepentingan dan cara mengurus emosi untuk meningkatkan kesihatan mental dalam kehidupan harian.

Rajah 4: Penulisan KBAT dalam Kurikulum Pendidikan Kesihatan Tahun 4

Standard Pembelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun 4

2.1.2 Mengenal pasti tanda-tanda konflik dan stres dalam diri sendiri.

2.1.3 Menyatakan punca konflik dan stres dalam diri sendiri.

Contoh Bagaimana Menterjemahkan KBAT daripada Dokumen Standard Kurikulum dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Tahap pemikiran yang terkandung dalam DSKP mata pelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun 4 ini boleh diterjemahkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti Rajah 5.

Terdapat pelbagai pendekatan, alat berfikir dan soalan KBAT boleh digunakan dalam PdP bagi tajuk ini. Sebagai contoh dengan menggunakan Peta Pemikiran, guru boleh menggalakkan murid untuk membuat kategori konflik dan stres dalam diri mereka atau menyatakan sebab dan akibat konflik dan stres dalam diri mereka. Peta pemikiran yang boleh digunakan ialah Peta Pokok untuk membuat pengelasan dan Peta Pelbagai Alir untuk menyatakan sebab dan akibat.

Rajah 5: Terjemahan KBAT dalam Kurikulum Pendidikan Kesihatan Tahun 4

<p>Contoh:</p> <p>Standard Pembelajaran Pendidikan Kesihatan Tahun 4</p> <p>2.1.2 Mengenal pasti tanda-tanda konflik dan stres dalam diri sendiri.</p> <p>2.1.3 Menyatakan punca konflik dan stres dalam diri sendiri.</p>	<p>→</p> <p>→</p>	<p>Contoh alat berfikir: Peta Pokok</p> <ul style="list-style-type: none"> - Murid menggunakan peta untuk mengkategorikan konflik dan stres dalam diri mereka. <p>Contoh alat berfikir: Peta Pelbagai Alir</p> <ul style="list-style-type: none"> - Murid menggunakan Peta Pelbagai Alir untuk menyatakan sebab dan akibat konflik dan stres dalam diri mereka. <p>Contoh Soalan Aras Tinggi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Perkara apakah yang akan berlaku jika...?</i> - <i>Bagaimanakah anda mengelaskan...?</i> - <i>Apakah bukti yang anda kemukakan...?</i> 	<p><i>Peta Pokok</i></p>  <p><i>Peta Pelbagai Alir</i></p> 
---	-------------------	--	---

Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Dunia Sains dan Teknologi Tahun 2

Aktiviti KBAT ditulis dalam ikon FIKIRKAN untuk mencetus minda murid.

Contoh 1: Buku Teks Dunia Sains dan Teknologi Tahun 2

Semasa berada di tempat perpindahan, mangsa banjir diberi **makanan** dan **air**. Nina bersyukur kerana masih dapat makan, minum dan tempat berlindung.



Makanan, air, udara dan tempat perlindungan penting kepada manusia. Semua ini dinamakan **keperluan asas** manusia. Keperluan asas ini penting kepada manusia untuk **terus hidup**.

FIKIRKAN Apakah yang akan berlaku jika kita tidak mendapat satu daripada keperluan asas ini?

Bincang dengan murid tentang keperluan asas mengikut keutamaan.

1.1.1
1.1.2

Buku Aktif!
Halaman 1-3


3



Rujukan: Buku Teks KSSR Dunia Sains dan Teknologi Tahun 2 (Cetakan 2014)

Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Matematik Tahun 4

Aktiviti KBAT ditulis dalam ikon Cabar Minda.

Contoh 2: Buku Teks Matematik Tahun 4

 Sebanyak 30 buah bas membawa 1 320 penumpang. Setiap buah bas membawa bilangan penumpang yang sama.

a Berapakah bilangan penumpang yang dibawa oleh 6 buah bas?
 Bilangan penumpang bagi  Jumlah penumpang bagi 

$$\begin{array}{r} 44 \\ 30 \overline{) 1320} \\ \underline{- 120} \\ 120 \\ \underline{- 120} \\ 0 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 22 \\ 44 \\ \times 6 \\ \hline 264 \end{array}$$

$6 \times 44 = \boxed{}$

Bilangan penumpang yang dibawa oleh 6 buah bas ialah **264** orang.


b Berapa buah bas yang diperlukan untuk membawa 220 orang penumpang?

44 penumpang \Rightarrow 1 bas
 220 penumpang $\Rightarrow 220 \div 44$


$$\begin{array}{r} 5 \\ 44 \overline{) 220} \\ \underline{- 220} \\ 0 \end{array}$$


220 penumpang $\Rightarrow 220 \div 44 = \boxed{5}$ bas

5 buah bas diperlukan untuk membawa 220 orang penumpang

 Berapakah bilangan bas yang diperlukan untuk membawa 110 orang penumpang? Bincangkan.

Cabar Minda

 2 buku RM15.00

 3 buku RM21.60

Fazlin hendak membeli 12 buah buku cerita untuk kawan-kawannya. Bagaimanakah dia berbelanja dengan bijak?

Rujukan: Buku Teks KSSR Matematik Tahun 4 (Cetakan 2014)

Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Sains Tingkatan 1

Aktiviti KBAT ditulis dalam ikon Sudut Cabaran Minda. Buku ini juga banyak memberi latihan berfikir melalui soalan-soalan yang mencabar untuk mencetus minda murid seperti Aktiviti 8.19 no. 2 dan Latihan 8.5 no. 2.

Contoh 3: Buku Teks Sains Tingkatan 1



Mengapakah haiwan ini aktif pada waktu malam?

Kelawar

Haiwan memiliki pelbagai jenis penutup badan yang mempunyai hubungan dengan kadar kehilangan haba daripada badan mereka.

Haiwan di negara beriklim panas mengalami masalah untuk menyejukkan badannya. Oleh itu, haiwan ini mempunyai struktur khas untuk menghilangkan haba yang berlebihan dalam badan.

Di negara yang beriklim sejuk, haiwan menghadapi masalah untuk memanaskan badan. Dengan itu kebanyakan haiwan di kawasan beriklim sejuk mempunyai bulu yang tebal, kurang unjuran dan satu lapisan lemak yang tebal di bawah kulit yang bertindak sebagai penebat.

Aktiviti 8.19 Perbincangan Menghubungkan sifat fizikal dan tingkah laku haiwan dengan cara mengawal haba badan

- Perhatikan setiap gambar foto berikut dan jawab soalan-soalan yang dikemukakan.
- Bagi setiap gambar foto, nyatakan bagaimana haiwan itu mengurangkan atau mengawal kehilangan haba untuk mengekalkan suhu badan.



(a) Mengapakah beruang kutub mempunyai lapisan bulu yang tebal?



(b) Mengapakah badak air suka berendam dalam air?




(c) Mengapakah bulu burung ini mengembang pada waktu yang sejuk?



(d) Bagaimanakah penguin yang hidup di kawasan beriklim sejuk mengawal suhu badannya?



(e) Mengapakah gajah mempunyai telinga yang besar?



(f) Ikan paus ialah sejenis mamalia. Ikan ini mempunyai lapisan lemak yang tebal. Apakah fungsi lapisan lemak itu?

Gambar foto 8.2

LATIHAN 8.5

- Nyatakan tiga aktiviti yang boleh anda lakukan untuk mengawal haba badan anda pada hari yang panas dan hari yang sejuk.
- Apakah keadaan yang dialami selepas seseorang bersenam? Mengapa?
- Dua orang pelajar, seorang yang gemuk dan seorang yang kurus berdiri

Contoh Penulisan KBAT dalam Buku Teks Sejarah Peradaban Dunia Tingkatan 4

Aktiviti yang disediakan dapat mencetus minda murid seperti Pandangan dan Perbincangan di muka surat 208 aktiviti no. 3 dan no. 5. Aktiviti latihan dan kemahiran memerlukan murid menyediakan soalan untuk mendapat maklumat daripada seseorang tokoh yang pernah melalui kehidupan pada zaman penjajah.

Contoh 4: Buku Sejarah Peradaban Dunia Tingkatan 4

5. Kumpulan 15 terbentuk hasil usaha yang dijalankan oleh

- Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Lee Kuan Yew
- Julius Nyerere dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad
- Tun Abdul Razak dan Adam Malik
- Kwame Nkrumah dan Jomo Kenyatta
- Nelson Mandela dan Julius Nyerere

Pandangan dan Perbincangan

- Peperangan Dunia Pertama dan Kedua telah membawa kepada kesengsaraan, penderitaan dan mengorbankan jutaan nyawa. Oleh itu masyarakat dunia haruslah mengelakkan peperangan pada masa akan datang. Bolehkah kamu cadangkan beberapa cara atau langkah untuk mengelakkan peperangan berulang semula?
- Berikan penjelasan ringkas tentang perkara-perkara berikut:
 - Perang Dingin
 - Liga Bangsa
 - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
 - Komanwel British
 - Dasar *Apartheid*
- Selepas tamatnya Perang Dunia Pertama, pihak yang kalah dalam peperangan terpaksa membayar ganti rugi peperangan dan dikenakan tekanan-tekanan tertentu. Pada pendapat kamu adakah wajar tindakan itu dikenakan?
- Dalam perkembangan sejarah dunia, wujud blok dan kumpulan negara-negara tertentu seperti negara maju, negara Dunia Ketiga, Negara-negara Selatan dan blok Komunis. Bincangkan sebab-sebab wujudnya blok atau kumpulan tersebut.
- Pada pendapat kamu sejauh manakah peranan Malaysia dalam hubungan antarabangsa sejak akhir-akhir ini? Berikan beberapa contoh penglibatan dan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa tersebut?

Latihan dan Kemahiran

- Sidang Redaksi Majalah Sekolah kamu meminta kamu menemuramah seorang tokoh yang pernah melalui kehidupan pada zaman penjajahan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Cuba kamu menemubual tokoh itu berdasarkan:
 - Sikap orang Melayu atau golongan peribumi di Sabah dan Sarawak terhadap kedatangan Jepun
 - Sikap orang Jepun terhadap orang Melayu atau peribumi Sabah dan Sarawak dan orang Cina
 - Zaman Keganasan Bintang Tiga

208

Rujukan: Buku Teks Sejarah Peradaban Dunia Tingkatan 4 (Cetakan 1995)


5

PERSEKITARAN PEMBELAJARAN YANG MENYOKONG KBAT

Dalam persekitaran pembelajaran KBAT, pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan murid. Pembelajaran berpusatkan murid dapat merangsang murid berfikir melalui aktiviti seperti penerokaan, penyelidikan dan pembelajaran berasaskan projek yang mana guru memainkan peranan sebagai pemudah cara.

Proses PdP berubah kepada Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang akan menjurus kepada persekitaran KBAT seperti penggunaan alat berfikir dan teknik penyodan. Persekitaran pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melibatkan tiga unsur utama iaitu guru, murid dan bilik darjah seperti Rajah 6.

Rajah 6: Unsur persekitaran pembelajaran KBAT



KBAT mendorong murid membuat penerokaan, penyelidikan dan mengamalkan pembelajaran inkuiri bagi mencari penyelesaian terhadap aktiviti yang mencabar minda melalui penyodan aras tinggi. Hal ini memberi peluang yang lebih luas untuk mereka mempamerkan potensi diri serta mencungkil bakat yang terpendam.

Kemampuan murid menguasai KBAT merupakan fokus utama guru semasa merancang PdP. Guru perlu menguasai pelbagai bidang kemahiran, sentiasa mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi, menggunakan teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukan akhlak dan sahsiah murid yang baik.

Guru perlu bijak menggunakan suasana bilik darjah dalam merangsang minat dan fokus murid untuk menyertai aktiviti atau stimulus yang mampu menjana proses berfikir murid. Pembelajaran secara kolaboratif memberi ruang kepada murid untuk berinteraksi serta belajar bertoleransi dengan pendapat rakan sebaya.

Ciri-ciri Murid KBAT

Seorang yang suka bertanya dan boleh memberi cadangan penyelesaian berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Penggunaan bahan rangsangan seperti soalan-soalan aras tinggi dapat menggalakkan murid berfikir dengan lebih mendalam, membuat kesimpulan dan refleksi seterusnya mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi sebenar.



1. **Sentiasa menyoal**
2. **Boleh memberi cadangan penyelesaian (menaakul) berdasarkan pengetahuan sedia ada**

Ciri-ciri Guru Yang Menggalakkan KBAT

Guru sebagai pemudah cara yang melaksanakan pelbagai aktiviti berpusatkan murid, menyediakan aktiviti yang dapat mencabar minda murid dan menggunakan penyoalan aras tinggi secara berperingkat bagi mendorong murid memberi pandangan serta membuat penyelidikan dan penerokaan secara terancang dan berstruktur.




1. **Berperanan sebagai pemudah cara**
2. **Melibatkan murid secara aktif semasa pengajaran dan pembelajaran**
3. **Menggalakkan murid memberi pandangan dan membuat keputusan**

Bilik Darjah KBAT

Bilik Darjah merujuk di mana berlakunya pengajaran dan pembelajaran. Suasana bilik darjah mestilah ceria dengan paparan hasil murid di dalam bilik darjah dan aktif dalam pembelajaran. Susun atur bilik darjah berpusatkan murid di mana murid duduk dalam kumpulan yang membolehkan murid mudah berinteraksi dan berkolaborasi. Guru menggunakan bahan sokongan yang dapat meningkatkan pemikiran murid.

Rajah 7: Suasana Bilik Darjah KBAT



1. Susun atur bilik darjah yang berpusatkan murid
2. Aktiviti yang memerlukan murid membuat inkuiri, penyelidikan, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran kolaboratif
3. Bahan sokongan bagi merangsang aktiviti berfikir

6

TEKNIK PENYOALAN

Soalan Berkesan

Kemahiran berfikir aras tinggi diterapkan kepada murid melalui soalan aras tinggi. Guru hendaklah memperbanyakkan soalan aras tinggi dalam aktiviti PdP. Contoh soalan mengikut tahap pemikiran adalah seperti Jadual 4. Jadual 5, adalah contoh soalan yang boleh dikemukakan oleh guru mengikut tahap pemikiran. Menurut Art Costa dan Bena Kallick (Arthur L.Costa and Bena Kallick, 2000), soalan yang berkesan perlu mempunyai ciri yang berikut:

1. **Bermatlamat** (ditanya untuk mencapai tujuan tertentu)
2. **Dinyatakan dengan jelas** (murid memahami apa yang dimaksudkan)
3. **Ringkas** (dinyatakan dengan seberapa sedikit perkataan yang mungkin)
4. **Memprovokasi pemikiran** (merangsang pemikiran dan tindak balas)
5. **Menyoal siasat** (melibatkan soalan yang membawa kepada penyoalan yang berikutnya dan mencungkil secara mendalam)
6. **Skop terhad** (soalan yang mempunyai banyak bahagian boleh mengelirukan)
7. **Disesuaikan dengan tahap murid** (sesuai dan berbeza-beza)

Contoh Soalan PISA Membaca (Bahasa Inggeris)

